



## **TEKS UCAPAN**

**DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU  
APRIL 2015  
&  
MAJLIS ANUGERAH CITRA  
KHIDMAT 2014**

**“WARGA CEMERLANG, MAMPU  
TERBILANG”**

**28 APRIL 2015 (SELASA)**

**AUDITORIUM,  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA  
MENTERI**

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakaatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia:  
Rakyat Didahulukan, Pencapaian  
Diutamakan dan Salam Kegemilangan

Yang Dihormati Saudara dan Saudari  
Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin  
Ismail,

Timbalan Ketua Pengarah  
(Transformasi dan Pemodenan  
Pengurusan) MAMPU,

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti  
Dzazali,

Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi  
Maklumat dan Komunikasi) MAMPU,

Ketua-ketua Perunding TMK Sektor  
Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Perunding-perunding TMK Sektor  
Awam,

Tuan-tuan dan puan-puan Warga  
MAMPU yang saya kasihi sekalian.

## **PENDAHULUAN**

Terlebih dahulu saya memanjatkan  
kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T.  
kerana dengan limpah kurnia-Nya kita  
dapat berkumpul untuk  
menyempurnakan majlis Perhimpunan  
Bulanan MAMPU bagi bulan April 2015  
dan juga Majlis Anugerah Citra  
Khidmat (ACK) 2014. Majlis ini

merupakan satu penghargaan dan juga pengiktirafan kepada warga MAMPU yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang sepanjang tahun 2014 dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan, dan yang lebih penting, memenuhi kehendak dan ekspektasi pihak-pihak berkepentingan dan pelanggan MAMPU serta rakyat. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) yang berjaya menganjurkan majlis pada pagi ini.

**PERHIMPUNAN BULANAN MAMPU**  
**APRIL 2015 & MAJLIS ANUGERAH**  
**CITRA KHIDMAT (ACK) 2014**

2. Istimewanya penganjuran majlis ini bukan hanya terletak kepada penggabungan dua majlis sekali gus. Malah, jenama Majlis Anugerah Citra Khidmat itu sendiri sudah cukup gah di MAMPU kerana ia menggabungkan penyampaian empat anugerah iaitu **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Khidmat Cemerlang MAMPU (AKCM), Anugerah Sanjungan Budi (ASB)**

**dan Anugerah Jubli Perak MAMPU (AJPM).**

3. **APC** dianugerahkan kepada warga MAMPU selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2012: Penganugerahan Pingat Perkhidmatan Cemerlang dan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Penerima APC telah diberi penilaian dan pemilihan berdasarkan kepada kriteria pemilihan APC yang ditetapkan, iaitu:

- (a) Memperoleh markah Laporan Penilaian Prestasi

Tahunan (LNPT) lebih daripada 85 peratus untuk tempoh sekurang-kurangnya tiga tahun berturut termasuk tahun penilaian semasa iaitu tahun 2012, 2013 dan 2014;

- (b) Aktif menyumbang kepada organisasi, perkhidmatan awam serta komuniti;
- (c) Tidak menerima APC pada tahun 2012 atau 2013;
- (d) Bebas daripada tindakan tatatertib; dan



(e) Telah menghadiri kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.

4. Saya difahamkan bahawa seramai **61 orang** warga MAMPU selaku penerima APC akan menerima **Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 1,000.00.** Selain itu, penerima APC juga akan diberi peluang dalam pencalonan untuk menerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.

5. Penganugerahan melibatkan **AKCM** pula diberikan kepada warga MAMPU yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang bagi tempoh tahun penilaian 2014, tetapi penerima tidak memenuhi syarat-syarat dalaman MAMPU untuk dianugerahkan APC. Anugerah ini **merupakan inisiatif MAMPU** dalam menghargai komitmen dan usaha warga MAMPU memacu kecemerlangan organisasi. Pemilihan penerima AKCM adalah hampir sama dengan syarat pemilihan APC, namun begitu kuota penerima AKCM telah ditetapkan 10% daripada jumlah

pengisian Jabatan pada 31 Disember 2014.

6. Daripada 811 orang warga MAMPU, seramai **81 orang** telah dipilih sebagai penerima AKCM dan akan menerima **Sijil Khidmat Cemerlang MAMPU**. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada bakal penerima kedua-dua anugerah ini. Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi azam para penerima untuk **bertugas dengan lebih gigih dan penuh iltizam** pada masa akan datang bagi **menaikkan**

imej perkhidmatan awam secara amnya, dan MAMPU khususnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Selain meraikan warga MAMPU yang berprestasi cemerlang, majlis pada hari ini turut melibatkan penyampaian Anugerah Sanjungan Budi (ASB) bagi menghargai komitmen dan sumbangan pegawai MAMPU yang telah dan akan bersara untuk tempoh dari bulan Januari hingga April 2015. Mereka yang diraikan ialah <sup>1</sup>Puan Wan Aminah binti Amir

---

<sup>1</sup> Puan Wan Aminah binti Amir tidak hadir pada majlis hari ini.

**(Penolong Pegawai Teknologi  
Maklumat, Bahagian Pembangunan  
Aplikasi)** yang telah bersara pada 1  
Januari 2015 dan **Puan Wan Anisah  
binti Mior Zainuddin (Ketua  
Penolong Pengarah Kanan,  
Bahagian Pembangunan Aplikasi)**  
yang akan bersara pada hari ini, 28  
April 2015.

8. Sesungguhnya bakti dan khidmat yang telah disumbangkan selama ini kepada Perkhidmatan Awam khususnya MAMPU amat saya hargai. Jadikanlah pengalaman dan gunakanlah pengetahuan yang telah

diperoleh sepanjang tempoh berkhidmat di Perkhidmatan Awam untuk mengharungi liku-liku kehidupan baharu sebagai seorang pesara Kerajaan. Selamat maju jaya dan selamat bersara saya ucapkan.

9. Suka juga saya memaklumkan di sini bahawa MAMPU turut menghargai pegawainya yang setia berkhidmat selama 25 tahun di MAMPU. Justeru, pada tahun ini, sekali lagi kita akan menyaksikan penerima anugerah yang diberi nama sebagai Anugerah Jubli Perak MAMPU turut sama diraikan dalam majlis pada hari ini. Tahun ini,

dua orang penerima anugerah ini ialah **Encik Nazari Sahren bin Md Yusof (Pembantu Am Pejabat, Bahagian Khidmat Pengurusan)** dan **Cik Norrani binti Abu (Pembantu Tadbir Kewangan, Bahagian Khidmat Pengurusan)**. Tahniah dan terima kasih jua atas kesetiaan tuan dan puan selama 25 tahun menyumbang kasih dan berbakti setia kepada MAMPU.

**Para hadirin yang dihormati  
sekalian,**

**TEMA MAJLIS: WARGA  
CEMERLANG, MAMPU TERBILANG**

10. **“Warga Cemerlang, MAMPU Terbilang”** telah diangkat sebagai tema untuk penganjuran majlis pada tahun ini. Berdasarkan tema ini sudah cukup memberi gambaran kepada kita bahawa kecemerlangan yang didakap oleh MAMPU pada hari ini adalah hasil daripada budaya kerja cemerlang yang diamalkan oleh warganya. Bermula detik pewujudan MAMPU pada tahun 1977, yang ketika itu dikenali sebagai Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia, sehinggalah ke detik ini, pelbagai kejayaan telah dilakar seantaro pelusuk benua.



11. MAMPU merintis pemodenan melalui pengeluaran garis-garis panduan berkaitan urus tadbir pejabat yang berkesan, MAMPU **membudayakan kualiti dan produktiviti** bersandarkan kepada budaya kerja cemerlang, malah MAMPU dengan beraninya **melakar landskap digital sektor awam** sehingga diiktiraf di persada antarabangsa. Pada tahun 2008 MAMPU mula mengungguli peranan sebagai **pencetus agenda transformasi** dengan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan sehinggalah kini masih utuh

berdiri menyemarak dan memperkasa agenda transformasi menggunakan acuannya yang tersendiri.

12. Kajian di loji Hawthorne milik Western Electric Co. oleh George Elton Mayo dan F.J. Roethlisberger sekitar tahun 1927-1932 telah membuktikan bahawa kerja yang cemerlang akan mempengaruhi prestasi sesebuah organisasi. Jadi, apa lagi yang mahu disangkal dan dinafikan? Terimalah hakikat bahawa warga MAMPU ialah warga cemerlang abad ini, yang telah berjaya membawa

MAMPU kepada tahap yang terbilang dan sukar digugat oleh mana-mana pihak pun.

13. Lantaran itu, aspek **kecekapan**, **keberkesanan** dan **kualiti** perlulah diperkasakan sehingga ke tahap yang optimum. **Kecekapan** yang dimaksudkan di sini ialah penghasilan produktiviti atau perkhidmatan yang menjangkau input yang disediakan sementara **keberkesanan** didefinisikan sebagai kerja yang terhasil selaras dengan objektif yang digariskan oleh organisasi, produktiviti atau perkhidmatan yang dihasilkan

menepati matlamat yang digariskan oleh organisasi. Manakala **kualiti** pula dirujuk sebagai output, sama ada produktiviti atau perkhidmatan yang memenuhi kepuasan dan kehendak pelanggan.

14. Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Ketua Setiausaha Negara dalam ucapannya sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014 Jabatan Perdana Menteri pada 23 April 2015 yang lepas turut menyentuh tentang **pentingnya penyampaian perkhidmatan dan kecekapan tadbir urus yang baik**

**serta mengutamakan budaya kerja cemerlang.** Hal ini demikian kerana aspek-aspek ini merupakan **ekspetasi yang perlu diberi perhatian selaras dengan dasar kerajaan yang mendahulukan kepentingan rakyat dan mengutamakan pencapaian.**

15. Memetik mutiara kata oleh ahli falsafah dan ahli sains Greek yang terkenal, Aristotle, beliau menyatakan bahawa:

***“Excellence is an art won  
by training and  
habituation. We do not act***

*rightly because we have virtue or excellence, but we rather have those because we have acted rightly. We are what we repeatedly do. Excellence, then, is not an act but a habit.”*

Para hadirin yang dihormati  
sekalian,

**MAMPU TERBILANG UNGGUL**  
**MEMACU TRANSFORMASI**

16. Bukan mudah liku yang perlu dilalui oleh MAMPU untuk mencapai kejayaan seperti pada hari ini. Perjalanan ini penuh dengan simpang dan selekoh yang kadang kala ada masanya membuatkan kita terbabas. Namun itu bukanlah alasan untuk kita menolak amanah yang telah digalas ke atas bahu kita.

17. Saya ingin mengajak tuan-tuan dan puan-puan untuk memahami **anologi Formula Satu**. Dalam satu pasukan Formula Satu, ahli-ahlinya terdiri daripada pemandu, pengarah, krew *pit-stop*, jurutera enjin dan

sebagainya. Masing-masing menggalas tugas yang telah pun diamanahkan. Jika tugas-tugas ini tidak dilaksanakan dengan baik, maka tidak sempurnalah pasukan itu, apatah lagi untuk mencapai misi pasukan memenangi pertandingan, memang jauh api dari panggang. Contohnya, kegagalan salah seorang krew *pit-stop* menukar tayar kereta tepat pada masanya atau terlupa untuk memasang satu skru, nescaya akan menjejaskan perlumbaan.

18. Samalah juga halnya bila kita berada dalam sesebuah organisasi.



Kecemerlangan individu sahaja tidak cukup bagi menjamin kejayaan organisasi sebaliknya, pencapaian sesebuah organisasi adalah hasil usahasama setiap individu dalam organisasi tersebut. Kita ada ketua, dan kita ada bahagian-bahagian lain yang menjadi nadi dan penggerak kepada organisasi supaya misi dan visi tercapai. Sekiranya salah satu daripada bahagian ini gagal menjalankan fungsinya dengan baik, maka pincanglah operasi organisasi tersebut, apatah lagi dalam menyempurnakan khidmat terasnya.

19. Justeru, saya menyeru kepada seluruh warga MAMPU untuk **sama-sama berganding bahu** dan mengaplikasikan analogi ini dalam **melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing.** Apa yang penting ialah kerjasama berpasukan. Gandakan pemanduan kita dan pecutlah selaju-lajunya menuju ke mercu kegemilangan sehingga tidak ada yang bisa menyaingi MAMPU. Bangkit berdiri dan seiring sejalanlah dengan saya segak memacu transformasi pemodenan sektor awam.

**Para hadirin yang dihormati  
sekalian,**

**MELEBAR SAYAP, MENYEBAR  
LUAS KEPAKARAN**

20. Kejayaan MAMPU dalam menjadi agen transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam boleh diukur bukan sahaja dengan kejayaan-kejayaan dalam melaksanakan projek yang ada. Tetapi kejayaan ini juga boleh diukur melalui penyertaan dan pengiktirafan MAMPU dalam pertandingan dan anugerah sama ada di peringkat JPM, Wilayah Persekutuan

atau peringkat kebangsaan. Ini termasuklah Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPM, Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri, Anugerah Inovasi Perdana Menteri dan lain-lain lagi. Dalam hubungan ini, penglibatan semua warga MAMPU amat diperlukan, sama ada secara *top-down* atau *bottom-up*. Setiap warga MAMPU perlu bersama-sama melaksanakan tugas di luar kebiasaan dan mencari pendekatan yang kreatif dan inovatif untuk mendapatkan hasil yang diinginkan. Sesungguhnya, pekerja yang cemerlang adalah asas kegemilangan organisasi.

21. Suka saya nyatakan di sini bahawa saya memberikan dua ratus peratus sokongan saya kepada mana-mana pasukan yang berhasrat untuk menyertai dan memenangi pertandingan dan anugerah ini. Sedar atau tidak sebenarnya melalui pengiktirafan sebegini MAMPU berkongsi kepakaran dan amalan terbaik (*best practice*) dengan Jabatan/Agensi lain dalam sektor awam. Usah berhenti mendaki puncak kejayaan walau mercu itu telah dimiliki. Sebaliknya, lebarkan sayap MAMPU dan terbanglah menyebarkan kebaikan dan kepakaran ke puncak yang

seterusnya. Umpama gurindam  
Melayu klasik:

**Penakek pisau seraut,  
ambil galah batang lintubong,  
seludang ambil ke nyiru.  
Setitis jadikan laut,  
sekepal jadikan gunung,  
alam terkembang jadikan guru.**

Warga MAMPU yang dikasihi,

## **PENUTUP**

22. Akhir kata, sekali lagi saya  
mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan dan tahniah kepada pegawai MAMPU yang telah dipilih sebagai penerima anugerah pada hari ini. Adalah penting setiap komitmen dan pencapaian cemerlang bukan hanya diteruskan malah sentiasa dipertingkatkan, agar dengan kesungguhan berkeñaan dapat mendukung usaha Kerajaan ke arah kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat. Marilah kita bersama-sama menjadi tunjang bagi membina sebuah perkhidmatan awam yang lebih dinamik, cemerlang dan gemilang.

Sekian,

*Wabillahi taufiq wal hidayah,*

*Assalamualaikum            warahmatullahi*

*wabarakatuh.*